



# MUZAKARAH

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

*KEPIMPINAN DAN KEKHALIFAHAN, GAGASAN KONSTUKTIF ULAMA DAN UMARA*

**INSTITUSI KESULTANAN  
DAN  
ZAWIYAH**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**Y.BHG PROF. MADYA DR. MOHD SYUKRI YEOH BIN ABDULLAH**

**TARIKH:**

**25,26 dan 27 FEBRUARI 2018  
(AHAD-SELASA)**

**TEMPAT:**

**AMANJAYA CONVENTION CENTER  
CASUARINA@MERU, BANDAR  
MERU RAYA, IPOH**

**PENGANJUR:**

**KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

# INSTITUSI KESULTANAN DAN ZAWIYAH

Oleh:

**Al-Fakir Prof Madya Dr Mohd Syukri Yeoh Abdullah**

## Abstrak

Makalah ini membincangkan berlaku perubahan institusi pemerintahan dari konsep Dewaraja kepada Sultan *ZilluLah fi Ard* (bayangan Allah di atas permukaan bumi, iaitu Khalifah Allah), apabila Islamisasi tersebar di Nusantara (Alam Melayu). Pemerintahan Institusi Kesultanan Melayu telah mewarisi kaedah pemerintahan Qanun para Khalifah Dawlah <sup>c</sup>Uthmaniyyah, iaitu Sultan Melayu yang sentiasa di dampingi oleh para Shaykh al-Islam bersama zawiyah (*tekke*)nya. Zawiyah pimpinan Shaykh al-Islam turut terlibat dalam pemerintahan Institusi Kesultanan Melayu secara tidak langsung. Perbincangan yang menggunakan pendekatan sejarah dan beberapa manuskrip ini menemukan bahawa kebajikan, pendidikan, penyelidikan, penerbitan, jaringan, muamalah (ekonomi) dan penasihatian harus dikembalikan kepada peranan zawiyah yang dipimpin Shaykh al-Islam (mufti) yang bertaraf mursyid di bawah tanggungjawab dan kelolaan Sultan sebagai *ZilluLah fi Ard* (bayangan Allah di atas permukaan bumi, iaitu Khalifah Allah), di setiap negeri di seluruh Malaysia. Rumusan penemuan perbincangan tersebut bahawa harus mewujudkan peranan dan fungsi Shaykh al-Islam (mufti) bersama dengan zawiyahnya bagi terus menerus meningkatkan dan mengekalkan kewibawaan Institusi kesultanan Melayu yang berpandukan pemerintahan Qanun.

**Katakunci:** Kesultanan Melayu, Zawiyah, Manuskrip, Shaykh al-Islam (mufti), Qanun.

---

Beliau adalah Felo Penyelidik Kanan di Institut Alam Dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.

Dalam penulisan ini akan dirujuk kepulauan Melayu itu sebagai Nusantara, seperti yang digunakan oleh Bernard H.M. Vlekke (1945: xv, 53, 60 & 65). Istilah Nusantara diambil oleh daripada Manuskrip Kakawin (Prapanca) *Nagarakretagama* atau *Prapantja: Nagarakretagama* (kode L Or 5. 023). Ketika itu Nusantara masih berada dalam benua India mengikut pemetaan kuno. Apabila kehadiran Ibn Batuttah (t.th.) telah memberi pemetaan baru dengan nama, iaitu Alam Jawi atau Alam Melayu.

## Pengenalan

Islamisasi di Nusantara telah berjaya mengubah sistem pemerintahan konsep Dewa Raja, iaitu para Raja adalah penjelmaan Dewa Hindu kepada Sultan *ZillulLah fi Ard* (bayangan Allah di atas permukaan bumi, iaitu Khalifah Allah) (Syed Muhammad Naguib al-Attas: 1972). Perkataan *ZillulLah fi Ard* ini telah disebut dalam kebanyakan Qanun di Alam Melayu dan ia adalah berdasarkan hadis Baginda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: السُّلْطَانُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ فَإِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ بَلَدًا لَيْسَ بِهِ سُلْطَانٌ فَلَا يَقِيمَنَّ بِهِ (أَبُو الشَّيْخِ عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ).

Sultan (Penguasa) adalah bayangan Allah di atas permukaan muka bumi-Nya. Jika seseorang kamu memasuki sesuatu negeri yang tidak ada sultan, janganlah kamu tinggal di dalamnya.

Dawlah <sup>o</sup>Uthmaniyyah adalah Dawlah Islam yang pertama yang menulis Qanun Ketatanegaraan. Qanun ini mula ditulis pada era pemerintahan Sultan Muhammad al-Fatih (1451M-1481M). Qanun Dawlah <sup>o</sup>Uthmaniyyah terbahagi kepada Kanun *Shar'i* (Syarak) dan Qanun <sup>o</sup>Urfi (Adat-Istiadat). Perbezaan kedua-dua Qanun ini ialah Qanun *Shar'i* berlandaskan kepada tekstual (wahyu). Manakala Qanun <sup>o</sup>Urfi dituliskan oleh para Sultan Dawlah <sup>o</sup>Uthmaniyyah setelah dipersetujui oleh para ulama bagi memudahkan pengurusan dan pentadbiran kerajaan. Penulisan Qanun Dawlah <sup>o</sup>Uthmaniyyah ini turut mempengaruhi seluruh dunia Islam, antaranya seperti Iraq, Iran, India dan Alam Melayu (Nusantara) (Ughlu, Akmal al-Din Ihsan, *al-Dawlah al-<sup>o</sup>Uthmaniyyah tārīkh wa Hadarah*, alih bahasa Salih Sa<sup>o</sup>dawi, Pn Yidiz Yayincilik, Reklamcilik, Ticaret Ve Sanayi, Istanbul, jil. I, 1999, hlm. 445-447).

Jalaluddin Abdul Rahman Al-Suyuti. 1994/1414H. Jami al-hadis. juz 6. Bayrut: Dar Al-Fikr. hlm 35. Terdapat banyak ungkapan hadis lain yang mirip kepada hadis terdapat di atas, antaranya:"

a.

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: السُّلْطَانُ الْعَادِلُ الْمُتَوَاضِعُ ظِلُّ اللَّهِ وَرُحْمُهُ فِي الْأَرْضِ يُرْفَعُ لَهُ عَمَلُ سَبْعِينَ صَدِيقًا (أَبُو الشَّيْخِ عَنْ أَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ).

Sultan (Penguasa) adil yang merendah diri adalah bayangan Allah (perlindungan-Nya) dan lembing-Nya (pertahanan-Nya) di bumi, ditingkatkan baginya (kedudukan) seperti amalan tujuh puluh orang al-Siddiq (Ibid: 34).

b.

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: السُّلْطَانُ ظِلُّ الرَّحْمَنِ فِي الْأَرْضِ يَأْوِي إِلَيْهِ كُلُّ مَظْلُومٍ مِنْ عِبَادِهِ، فَإِنْ عَدَلَ كَانَ لَهُ الْأَجْرُ، وَعَلَى الرَّعِيَّةِ الشُّكْرُ، وَإِنْ جَارَ أَوْ حَافَ وَظَلَمَ كَانَ عَلَيْهِ الْإِصْرُ وَعَلَى الرَّعِيَّةِ الصَّبْرُ (عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا).

Perkataan *ZillulLah fi Ard* juga memberi gambaran kerendahan hati seorang Sultan sebagai khalifah di atas permukaan dalam memberi perkhidmatan/tanggungjawab kepada seluruh rakyat jelata yang berada di bawah pemerintahannya, demi untuk mencapai redha Allah s.w.t. seperti perintah Baginda Rasulullah s.a.w.:

حَدَّثَنَا حَسَنٌ، حَدَّثَنَا ابْنُ هَيْعَةَ، حَدَّثَنَا دَرَّاجٌ، عَنْ أَبِي الْهَيْثَمِ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " مَنْ تَوَاضَعَ لِلَّهِ دَرَجَةً رَفَعَهُ اللَّهُ دَرَجَةً، حَتَّى يَجْعَلَهُ فِي عِلِّيِّينَ، وَمَنْ تَكَبَّرَ عَلَى اللَّهِ دَرَجَةً، وَضَعَهُ اللَّهُ دَرَجَةً، حَتَّى يَجْعَلَهُ فِي أَسْفَلِ السَّافِلِينَ "

Sultan (Penguasa) adalah bayangan al-Rahman di atas permukaan muka bumi, berlandung kepadanya semua hamba-Nya yang dizalimi. Jika mereka berbuat adil akan mendapat pahala dan wajib ke atas rakyat bersyukur. Jika mereka jahat dan zalim akan mendapat dosa dan wajib ke atas rakyat bersabar (Ibid.).

c.

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: السُّلْطَانُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ فَمَنْ أَكْرَمَهُ أَكْرَمَهُ اللَّهُ، وَمَنْ أَهَانَهُ أَهَانَهُ اللَّهُ (عن أبي بكره رضي الله عنه).

Sultan (Penguasa) adalah bayangan Allah di atas permukaan muka bumi. Sesiapa memuliakannya maka Allah akan memuliakannya, dan sesiapa menghinanya, maka Allah akan menghinanya (Ibid.).

d.

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: السُّلْطَانُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ، يَأْوِي إِلَيْهِ الضَّعِيفُ، وَبِهِ يَنْتَصِرُ الْمَظْلُومُ، وَمَنْ أَكْرَمَ سُلْطَانَ اللَّهِ فِي الدُّنْيَا أَكْرَمَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ (ابن التَّجَارِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ).

Sultan (Penguasa) adalah bayangan Allah di muka bumi, yang lemah berlandung kepadanya, dan yang ditindas memohon pertolongan daripada-Nya. Sesiapa memuliakan sultan Allah di dunia maka Allah akan memberi kemuliaan kepadanya pada hari akhirat (Ibid.).

e.

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: السُّلْطَانُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ، يَأْوِي إِلَيْهِ كُلُّ مَظْلُومٍ مِنْ عِبَادِهِ، فَإِنْ عَدَلَ كَانَ لَهُ الْأَجْرُ وَكَانَ عَلَى الرَّعِيَةِ الشُّكْرُ، وَإِنْ جَارَ أَوْ خَافَ أَوْ ظَلَمَ كَانَ عَلَيْهِ الْوِزْرُ وَكَانَ وَعَلَى الرَّعِيَةِ الصَّبْرُ، وَإِذَا جَارَتْ الْوَلَاةُ قَحَطَتِ السَّمَاءُ، وَإِذَا مُنِعَتِ الزَّكَاةُ هَلَكَتِ الْمَوَاشِي، وَإِذَا ظَهَرَ الزَّنَا ظَهَرَ الْفَقْرُ وَالْمَسْكِنَةُ، وَإِذَا خَفَرَتِ الدِّمَةُ أُدْبِلَ لِلْكَفَّارِ.

Sultan (Penguasa) adalah bayangan al-Rahman di atas permukaan muka bumi, berlandung kepadanya semua hamba-Nya yang dizalimi. Jika mereka berbuat adil akan mendapat pahala dan wajib ke atas rakyat bersyukur. Jika mereka jahat dan zalim akan mendapat dosa dan wajib ke atas rakyat bersabar. Jika **gabenor-gabenor (penguasa)** zalim akan **kering langit (kemarau)**, dan jika **zakat terhalang** (tidak dikeluarkan) akan **musnahlah haiwan ternakan**, jika **zina berleluasa** akan **melata kemiskinan** dan kemelaratan, dan jika **perjanjian dicabuli** akan dihinakan oleh orang-orang kafir (dikuasai oleh mereka) (Ibid.).

Maksudnya:

Hasan telah menceritakan kepada kami: Ibn Lahi<sup>c</sup>ah telah menceritakan kepada kami: Darraj telah menceritakan kepada kami, daripada Abi al-Haytham, daripada Abi Sa<sup>c</sup>id al-Khudri, bahawa dia telah berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: “Barang siapa yang merendahkan dirinya kerana Allah s.w.t. selangkah, Allah s.w.t. akan mengangkatnya satu darjat sehinggalah pada tempat yang paling tinggi. Barang siapa yang menyombongkan diri kepada Allah s.w.t. selangkah, maka Allah s.w.t. akan menghinakannya sehinggalah pada tempat yang paling rendah”.

(Ibn Hanbal, Abu <sup>c</sup>Abdullah Ahmad Ibn Muhammad. 1421 H/ 2001. *Musnad al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*. Musnad Abi Sa<sup>c</sup>id al-Khudri r.a. Hadith 11724. Jil. 18, hlm. 250. Syu<sup>c</sup>ayb al-Arna<sup>c</sup>ut, <sup>c</sup>Adil Mursyid & lain-lain (Pnyt). Bayrut: Mu<sup>c</sup>assasat al-Risalah).

Maka dari sini jelas bahawa ketaatan kepada perkhidmatan Sultan atau pemimpin adalah wajib, ini berdasarkan kepada perintah Baginda Rasulullah s.a.w., melalui beberapa hadis, iaitu:

---

Menurut Imam Ahmad berkata: “Sanadnya *da<sup>c</sup>if*”. Namun kualiti kedaifan sanad hadis diperkukuh oleh hadis sahih yang lain, iaitu:

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ أَبِي حَبْشَةَ وَابْنُ حُجْرٍ قَالُوا حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ - وَهُوَ ابْنُ جَعْفَرٍ - عَنِ الْعَلَاءِ عَنِ أَبِيهِ عَنِ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ « مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلَّا عِزًّا وَمَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ ».

Maksudnya:

Yahya Ibn Ayyub, Qutaybah dan Ibn Hajar telah menceritakan kepada kami, bahawa mereka telah berkata: Ismail (iaitu anak kepada Ja<sup>c</sup>far) telah menceritakan kepada kami, daripada al-<sup>c</sup>Ala<sup>c</sup>, daripada bapanya, daripada Abu Hurayrah r.a., daripada Rasulullah s.a.w., bahawa beliau telah bersabda: “Tidak (akan) berkurangan harta seseorang itu daripada sedekah, tidaklah sifat pemaaf (yang ada) pada seseorang itu melainkan Allah s.w.t. menambahkan baginya kemuliaan, dan **tidaklah seseorang itu merendahkan dirinya kerana Allah s.w.t. semata-mata, melainkan Allah s.w.t. akan mengangkat darjatnya**”.

(al-Qusyayri al-Naysaburi, Abu al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj. 1412 H/ 1991. *Sahih Muslim*. Kitab *al-Birr Wa al-Silat Wa al-Adab*, Bab *Istihbab al-<sup>c</sup>Afwu Wa al-Tawadu<sup>c</sup>*. Hadis 2588. Jil. 4, hlm. 2001. Muhammad Fu<sup>c</sup>ad <sup>c</sup>Abd al-Baqi (Pnyt). Qaherah: Dar Ihya<sup>c</sup> al-Kutub al-<sup>c</sup>Arabiyyah <sup>c</sup>Isa al-Babi al-Halabi Wa Syurakahu).

a.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ، وَمَنْ يَعِصِنِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ، وَمَنْ يُطِعِ الْأَمِيرَ فَقَدْ أَطَاعَنِي، وَمَنْ يَعِصِ الْأَمِيرَ فَقَدْ عَصَانِي

Daripada Abu Hurayrah r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

Sesiapa yang taat kepadaku sesungguhnya dia telah mentaati Allah dan sesiapa mengingkariku sesungguhnya dia telah mengingkari Allah; Sesiapa yang mentaati pemimpin (ketua) sesungguhnya dia telah mentaatiku, dan sesiapa yang mengingkari pemimpin (ketua) sesungguhnya dia telah mengingkariku.

(Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi. 1991. *Sahih Muslim*. Qahirah: Dar Ihya` al-Kutub al-Arabiyyah. Bil. 1835. Jil. 3.: 1466).

b.

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِنْ أَمَرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ عَلَيْهِ وَلَا طَاعَةَ

Daripada Ibn Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Wajib dengar dan taat ke atas seorang Muslim terhadap perkara yang disukai atau dibencinya selagi tidak diperintahkan berbuat maksiat; jika diperintah berbuat maksiat, maka tidak wajib dengar dan taat”.

(Abu Isa Muhammad bin Isa al-Tirmidhi. *Al-Jami` al-Kabir*. 1996. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami. Bil. 1707. Jil. 3. hlm. 325).

c.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ يَرْوِيهِ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ رَأَى مِنْ أَمِيرِهِ شَيْئًا فَكَرِهَهُ فَلْيَصْبِرْ، فَإِنَّهُ لَيْسَ أَحَدٌ يُفَارِقُ الْجَمَاعَةَ شَبْرًا فَيَمُوتُ، إِلَّا مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً

Daripada Ibn Abbas bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Sesiapa yang melihat sesuatu yang tidak disukai pada pemimpinnya hendaklah dia bersabar, sesungguhnya tiadalah seseorang yang memisahkan diri daripada jemaah dengan kadar sejengkal lalu dia mati melainkan dia mati dalam keadaan jahiliyyah.

(Abu Abdillah Muhammad bin Ismail Al-Bukhari. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar Ibn Kathir. Bil. 7143. Hal. 1765; Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi. 1991. *Sahih Muslim*. Qaherah: Dar Ihya` al-Kutub al-Arabiyyah. Bil. 1849. Jil. 3. hlm. 1477).

Berdasarkan hadis-hadis tersebut, maka jelaslah bahawa sistem/pemerintahan Institusi Kesultanan dan kewajiban ketaatan memang ada dalam Islam. Ini juga dijelaskan perakuan Allah s.w.t. tentang eksistensi sistem pemerintahan kesultanan/kerajaan di dalam al-Quran, antara contoh yang dapat dilihat:

- a. Kerajaan Zulqarnain dalam Surah al-Kahfi: 83-100.
- b. Kerajaan Nabi Daud a.s. dalam Surah al-Baqarah 2: 251.
- c. Kerajaan Talut dalam Surah al-Baqarah: 247.
- d. Kerajaan Nabi Sulaiman a.s. dalam Surah al-Anbiya 78-82, Surah al-Naml 15-44, Surah Saba' 12-12, Surah Shad: 30-40.
- e. Kerajaan Ratu Balqis dalam Surah al-Naml: 20-24.

Malah Allah s.w.t. memperlihatkan Diri-Nya memiliki sistem pemerintahan kerajaan sendiri dalam Surah Ali Imran: 26:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُنْزِلُ مَنْ تَشَاءُ  
بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦٧﴾

Maksudnya:

Katakanlah: "Wahai Tuhan Yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu.

Dari sini, maka jelaslah bahawa sistem pemerintahan Beraja/Sultan memang benar-benar wujud di dalam masyarakat manusia dan sistem tersebut diperakukan oleh Allah s.w.t.. Oleh yang demikian, makalah ini akan menelusuri sejarah Kerajaan Alam Melayu dan transformasinya melalui Islamisasi yang dilakukan oleh peranan Shaykh al-Islam yang bersama dengan zawiyahnya.

### **Sejarah Kemunculan Institusi Kesultanan dan Zawiyah Di Alam Melayu**

Kerajaan Islam di Alam Melayu pertama, muncul di Peurlak dengan kedatangan rombongan yang dipimpin oleh Nakhoda yang dirakam dalam manuskrip *Izhar al-Haq fi Mamlaki Feurlak*. Kesenambungan itu, turut lahir zawiyah pertama

---

Dalam Naskhah Manuskrip: *Izhar al-Haq fi mamalakat feurlek* (karya Abū Ishaq al-Makarani) (milik al-Marhum Tengku M. Yunus Jamil, Kampung Alui, Banda Aceh. Kini naskhah tersebut disimpan oleh anaknya yang tinggal di Jakarta) telah mencatatkan bahawa serombongan berjumlah 100 orang yang terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Arab, Parsi dan India telah singgah ke Peurlak pada tahun 173 H. Pemimpin kapal ini dikenali sebagai Nahkoda Khalifah. Merekalah yang dikatakan sebagai pengasas Kerajaan Islam pertama yang berpusat di Bandar Khalifah di Peurlak yang bermula pada 1 hb Muharram 225 H/ 847 M lagi.

abad ke 10 Masihi di Peurlak yang diasaskan oleh Shaykh Abdullah dari Kan'an, Yaman. Dari sini penyebaran Islam dari Zawiyah Cot Kala, Kerajaan Peurlak ke kerajaan-kerajaan Melayu yang lain. Kesultanan Peurlak dan zawiyah saling bergading bahu memainkan peranan dalam penyebaran Islam di seluruh Nusantara ini.

Zawiyah Cot Kala sebagai pusat ilmu pertama melahirkan ramai mubaligh sebagai utusan untuk Islamisasi ke kerajaan-kerajaan Melayu di seluruh Nusantara. Antara contoh mubaligh yang dihantar yang dalam catatan sejarah, termasuk Maulana Ishak, Maulana Nur al-Din (Fathillah) dan Sunan Bonang

---

Ali Hasmjy (1993: 146-147) cuba mengaitkan ketua rombongan, iaitu Nahkoda Khalifah dengan keturunan Bani Khalifah dari Bahrain dan Qatar, tetapi lupa bahawa pengarang naskhah tersebut, iaitu Abū Ishaq al-Makarani berasal dari Balucistan. Ini jelas terdapat sedikit keraguan dalam kenyataan Ali Hasmjy, jika dibandingkan dengan analisis N. A. Nabolch (1980:15-17). Rombongan Nahkoda Khalifah itu berasal dari Balucistan ada logiknya kerana mereka terdiri pelbagai bangsa, seperti Arab, Parsi dan India ini sangat bermirip dengan masyarakat Islam di Balucistan. Jika ini benar, maka pendapat Ali Hasmjy (Ibid: 156) yang mengatakan rombongan Nahkoda Khalifah itu bermazhab shi'ah itu adalah salah kerana menurut H. A. R. Gibb et. al. (1960:1005) bahawa suku Balucis pada keseluruhannya bermazhab sunni Hanafi. Ini di sokong oleh Ibrahim Zaki Khurshid dkk (1418H/ 1998M: 1881-1882) bahawa masyarakat Balucistan terdiri daripada pelbagai campuran bangsa, seperti Arab, Parsi dan India mengikut geografi sempadan. Mereka sangat taksub dengan sunni dan sangat anti-shi'ah. Namun, mereka terbahagi kepada dua kelompok, iaitu (i) mereka bermazhab sunni, tetapi hidup dengan budaya shi'ah dan (ii) mereka bermazhab sunni, tetapi kehidupan mereka bercampur baur dengan kepercayaan setempat, seperti memuja kubur, menilik dan sebagainya. Mereka dikatakan adalah rombongan yang datang ke Peurlak berdasarkan analisis N. A. Nabolch (Ibid) kerana terdapat kesamaan dan kemiripan bentuk dan gaya tulisan syair. Kenyataan Ali Hasmjy tentang Kerajaan Islam Peurlak itu adalah kerajaan shi'ah itu tidak benar kerana tidak terdapat manuskrip shi'ah dari Kerajaan Islam Peurlak mahupun Kerajaan Aceh Darussalam.

Maulana Ishak telah diberi tugas oleh zawiyah Cot Kala untuk menyebarkan Islam ke Jawa. Beliau telah berkahwin dengan salah seorang puteri Raja Blambangan. Dari hasil perkahwinan tersebut, beliau dikurniai seorang anak yang bernama Raden Paku yang akhirnya terkenal dengan nama Sunan Giri. Raden Paku adalah salah seorang walisongo yang aktif dalam proses Islamisasi Kepulauan Jawa terutama sekali di Surabaya, Gresik, Jawa Timur (Umar Hasyim, 1979: 21).

Maulana Nur al-Din (Fathillah) terkenal sebagai Sunan Gunung Jati, salah seorang wali songo terkenal dalam sejarah pemerintahan Islam Jawa kerana beliau adalah pengasas Kesultanan Banten (Solichin Salam, *Sekitar Wali Sanga*, Pn Menara, Kudus (Indonesia), 1974, hlm. 35 dan 56). Beliau banyak terlibat dalam Islamisasi di Kepulauan Jawa terutama sekali di Banten, Ceribon (Jawa Barat), Tuban, Demak (Jawa Timur) dan Sunda (H.J. De Draaf, 1986: 142-145).

Sunan Bonang juga dikenali Ampel Denta dan nama sebenarnya beliau adalah Maulana Makhdum Ibrahim atau Raden Ibrahim. Beliau adalah alumni pelajar zawiyah Cot Kala dari Samudera-Pasai. Beliau adalah putera kepada Raden Rahmat sepupunya Sunan Kalijaga dan ibunya bernama Dewi Candrawati. Sunan Bonang telah mendirikan rumahtangga dengan Dewi Hiroh dan mendapat seorang puteri bernama Dewi Ruhil. Dewi Ruhil kemudian berumahtangga dengan Sunan Kudus. Begitulah kesinambungan proses penyebaran Islam di Jawa (B. Schrieke, 1957: 262; Dewan Redaksi, *Ensiklopedi Islam* 5: 177).



yang menyebarkan Islam ke Jawa, Maulana Abu Bakar ke Melaka, Shaykh Ampon Tuan (Teungku Ampon Tuan) (753-800 H./ 1353-1398 M) ke Kerajaan Teumiang, Shaykh Jakub ke Kerajaan Samudera Pasai dan Shaykh Sirajuddin (Ali Hasmjy, 1978: 58; Ali Hasmjy. 1975: 17 & 23) ke Kerajaan Lingga.

Shaykh Jakub pula, utusan zawiyah Cot Kala yang pergi ke Pasai telah mendirikan zawiyah Blang Peria sebagai pusat pendidikan dan penyebaran Islam pada era pemerintahan Sultan Nurdin al-Kamil (550-607 Hijriah/ 1155-1210 Masihi).

Teungku Ampon Tuan pula adalah utusan dari zawiyah Cot Kala ke Kerajaan Teumiang. Beliau membina zawiyah Batu Karang di Teumiang sebagai pusat pendidikan dan penyebaran Islam di sana. Beliau menjadi Qadi al-Malik al-Adil (mufti) kepada Sultan Muda Sedia yang memerintah pada tahun 753 Hijriah/1353 Masihi hingga 800 Hijriah/1398 Masihi (Ali Hasmjy, 1983: 228). Kerajaan Pasai dan Kerajaan Teumiang akhirnya digabungkan dengan Kerajaan Peurlak dan dikenali sebagai Kerajaan Samudera-Pasai yang dilanjut pemerintahannya oleh Meurah Silu (Sultan al-Malik al-Saleh) (1270 - 1297 Masihi), anak kepada Meurah Gajah (Dewan Redaksi, *Ensiklopedi Islam* 4.1994: 247-249).

Seorang ulama lain yang utusan zawiyah Cot Kala yang dihantar keluar berdakwah adalah Shaykh Sirajuddin (Ali Hasmjy, 1978: 57). Beliau telah

---

Beliau adalah murid Abu Ishak dari zawiyah Cot Kala dan menjadi utusan membawa kitab *Dur al-Manzum* (mutiara tersusun) untuk diajarkan kepada Sultan Melaka. Selain itu, beliau adalah mubaligh diberi tanggungjawab untuk pemesanan kegiatan dakwah dan penyebaran ilmu di sana. Selepas itu, Sultan Mansur Syah (1459-1477 M) mengirim utusan kepada Makhdam Patakan di Kerajaan Samudera Pasai supaya diterjemahkan Kitab tersebut (W.G. Shellabear, 1967: 148-149). Ini membuktikan bahawa zawiyah Cot Kala, Kerajaan Samudera-Pasai adalah tempat dan pusat rujukan masalah agama selain dari Mekah.

Kerajaan Samudera Pasai adalah kesinambungan dari Kerajaan Peurlak. Ia terletak di pesisir Timur-Laut Aceh yang dikenali sebagai Kabupaten Lhokseumawe atau Aceh Utara dewasa ini. Kerajaan ini diperintah oleh beberapa Raja yang kuat berpegang kepada ajaran Islam sehingga Pasai bukan hanya menjadi pusat pengembangan Islam tetapi sebagai tempat rujukan dari mana-mana di Nusantara ini, sekitar pada abad ke 14 dan 15 M. Kegiatan keilmuan berkembang dengan pesat sehingga menjadi tumpuan kedatangan ulama dari pelbagai pelosok dunia Islam.

Kerajaan Samudera Pasai bermula pada tahun 1270 hingga 1297 M (696 H) Meurah Silu, anak kepada Meurah Gajah yang membawa gelaran Sultan al-Malik al-Saleh. Kemudian diteruskan oleh beberapa Sultan yang lain sehingga pada 1521, ia pernah dijajah oleh Portugis selama tiga tahun. Kemudian pada tahun 1524 diambilalih oleh Kerajaan Aceh Darussalam yang berpusat di Banda Aceh (*Ensiklopedi Islam*, jil. 4, hlm. 247-249).

"Ulama" (علماء) berasal daripada bahasa Arab dan adalah kata terbitan (*masdar*) daripada akar kata: 'alima (علم) membawa maksud orang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan agama Islam.

Perkataan “ulama” dalam Islam adalah tanpa mengira ras bangsanya yang dierti berdasar firman Allah s.w.t dalam surah Fatir 35: 28:

﴿إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾﴾

Maksudnya:

Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-Nya hanya orang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa, lagi Maha Pengampun.

Terdapat pelbagai perkataan sinonim yang diguna pada perkataan ulama dalam al-Qur’an al-Karim. Sebagai contohnya ialah:

a. *Al-Rasihun* bererti mendalam ilmu pengetahuan, diambil daripada firman Allah s.w.t. dalam surah Ali-Imran 3:7

﴿وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آمَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٧﴾﴾

Maksudnya:

Dan orang tetap teguh serta mendalami ilmu agama, berkata: " Kami beriman kepada-Nya, semuanya itu datang dari sisi Tuhan kami" dan tiada yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang berfikir.

b. *Ulu al-ilm* bererti orang berilmu, yang diambildaripada firman Allah s.w.t. dalam surah Ali-Imran 3: 18:

﴿شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَابِئًا بِأَلْفِ سِدِّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾﴾

Maksudnya:

Allah menerang (kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang sentiasa mentadbir (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat serta orang berilmu (mengakui dan menegas demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; yang Maha Berkuasa, lagi Maha Bijaksana.

c. *Ulu al-bab* bererti orang berakal, yang diambil daripada firman Allah s.w.t. dalam surah Ali-Imran 3: 190:

﴿إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah s.w.t.) bagi orang berakal.

d. *Ahl al-zikr* bererti ahli ilmu, yang diambil daripada firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nahl 16:43:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوحِي إِلَيْهِمْ فَسَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾﴾

Maksudnya:

Dan tidak Kami mengutus para rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu, bertanya kamu (wahai golongan musyrik) kepada ahli ilmu jika kamu tidak mengetahui.

e. Pewaris nabi, seperti ungkapan hadith:

"الْعُلَمَاءُ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ"

Maksudnya: Sesungguhnya para ulama pewaris para nabi.

f. Pemegang amanah Allah s.w.t., sabda Rasulullah s.a.w.:

"الْعُلَمَاءُ أَمْنَاءُ اللَّهِ عَلَى خَلْقِهِ"

Maksudnya:

Para Ulama pemegang amanah Allah s.w.t. ke atas sekalian makhluk-Nya.

g. Pelita menyinari bumi, seperti sabda Rasulullah s.a.w.:

الْعُلَمَاءُ مَصَابِيحُ الْأَرْضِ وَ خُلَفَاءُ وَرَثَتِي وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ

Maksudnya: Para ulama itu pelita yang menyinari bumi, pengganti para anbiya', pewarisku dan pewaris segala anbiya'.

h. Pemikul amanah umat, seperti sabda Rasulullah s.a.w.:

الْعُلَمَاءُ أَمْنَاءُ الْأُمَّةِ

Maksudnya: Para ulama pemikul amanah umat.

Maksud "ulama" dalam ayat tersebut ditafsir dalam pelbagai cara, antaranya:

i. Mereka alim yang taqwa kepada Allah s.w.t..

ii. Mereka mengetahui Allah s.w.t. berkuasa ke atas segala sesuatu.

iii. Orang yang paling berilmu dan bertaqwa kepada Allah s.w.t.

iv. Mereka terbahagi kepada tiga golongan, iaitu:

1. Mereka mengetahui tentang Allah, tetapi tidak

mengetahui urusan Allah. Mereka ini takut kepada Allah, tetapi tidak mengetahui batas dan kewajipannya.

2. Mereka mengetahui tentang Allah s.w.t. dan urusan Allah s.w.t.. Mereka ini takut kepada

Allah s.w.t. dan mengetahui batas dan kewajipannya.

3. Mereka tidak mengetahui tentang Allah s.w.t., tetapi mengetahui tentang urusan Allah s.w.t.. Mereka ini mengetahui batas dan kewajipan, tetapi tidak takut kepada Allah s.w.t..

v. Orang berilmu itu bukan kerana banyak mengetahui dan banyak meriwayatkan, tetapi kerana ada cahaya yang dilontar Allah s.w.t. ke dalam hatinya.

vi. Orang alim itu cukup ilmunya apabila mencapai taqwa kepada Allah s.w.t. dan orang jahil ialah orang yang bangga (*takjub*) dengan amalan yang dianggap sudah banyak. Pada keseluruhannya ulama harus memiliki kemampuan menyelesaikan masalah perbezaan pendapat, penafsiran, hukum serta urusan jentera dan jemaah dalam pelbagai peringkat dan lapangan menerusi ilmu dan pemikiran mereka yang berlandaskan ajaran Islam. Mereka mengamalkan apa yang difahami dan tercatat dalam wahyu, *athar* para sahabat Rasulullah s.a.w. dan *tabi'in* yang diwarisi kepada mereka secara bersanad. Disebab hubungan bertalian sanad inilah, mereka diumpamakan para sahabat Rasulullah s.a.w., seperti bintang yang betaburan di langit yang boleh membimbing dan menunjuk ke jalan Allah s.w.t.. Umpama sabda Nabi s.a.w.:

berjaya mengIslamkan Kerajaan Lingga yang terletak di Aceh Takengon. Beliau dikenali sebagai Abu Shik Seuruleu kerana membuka zawiya Seuruleu sebagai pusat pendidikan dan penyebaran Islam di Kerajaan Lingga dan sekitarnya. Sultan Kerajaan Lingga Islam pertama yang bernama Adi Genali menghantar tiga puteranya, iaitu Sibayak Lingga, Meurah Lingga dan Meurah Johan (Ali Hasmjy, 1975: 29) untuk dididik oleh "Shaykh 'Abdu'Llah Kan'an, (Ibid.17 & 23) di zawiya Cot Kala. Mereka kemudian ditugaskan keluar melaksanakan dakwah kepada kerajaan-kerajaan di sekitarnya. Sibayak Lingga telah dihantar ke Aru (Tanah Karo) sebagai utusan dan mendirikan zawiya untuk dakwah Islam. Meurah Lingga pula diangkat menjadi putera Mahkota untuk menggantikan ayahandanya sebagai Sultan Kerajaan Lingga.

Meurah Johan pula menuruti rombongan gurunya, Shaykh 'Abdu'Llāh Kan'an pergi berdakwah ke Kerajaan Lamuri (Ali Hasmjy, 1975: 29). Kerajaan Lamuri pada zaman Buddha Sriwijaya, sumber-sumber China dan Arab menyebut adanya sebuah kerajaan di utara Sumatra bernama Law-Wu-Li atau Lamuri. Di Aceh sekarang, terdapat sebuah kampung kecil tidak jauh dari Banda Aceh bernama *Lambarih* yang mungkin dulunya pusat kerajaan tersebut. Shaykh 'Abdu'Llāh Kan'an berjaya mengislamkan raja Hindu, Kerajaan Lamuri, iaitu Raja Maharaja Sakti. Meurah Johan telah dikahwinkan dengan puteri raja tersebut dan kemudian ditabalkan menjadi sultan dengan gelaran Sultan Alaidin Johan Syah setelah mertuanya meninggal dunia. Baginda telah memerintah selama 18 tahun (1215-1233 Masihi) yang berpusat di Kandang di Banda Aceh (Raden Hussein Dajajadiningrat (1979:142-143). T. W. Arnold (1913: 370) mencatatkan bahawa Baginda Sultan Alaidin Johan Syah adalah seorang mubaligh yang alim dan aktif dalam penyebaran agama Islam bersama dengan gurunya, Shaykh Abdullah Kan'an dan zawiyaunya.

Zawiya *Lam keuneu'eun* hari ini telah ditemukan di lapangan, iaitu terletak di Desa Leugu, Kecamatan Darul Imarah, Banda Aceh. Menurut Abu Dahlan al-Fairusy al-Baghdady (2005, Kemasukan Islam di Nusantara, Zawiya Tanoh Abee, Kecamatan Seulimmeun, Aceh Besar, Temubual 1hb Feb) bahawa segala manuskrip dan artifak zawiya ini rosak di era peperangan menentang penjajah Belanda. Yang masih ada pada hari ini, hanya makam Shaykh 'Abdu'Llah Kan'an dan makam silsilah keturunannya sampai Abu Shik Kutakarang.

Usaha para utusan Islam ini dengan menerapkan prinsip, pelbagai kaedah dan *wasail* dakwah telah berhasil menarik kerajaan-kerajaan Melayu bukan Islam di sekitar Kerajaan Islam Peurlak kepada agama Islam. Beberapa ulama yang dihantar itu berjaya pula mendirikan zawiya (*one stop centre*) di tempat mereka untuk mendampingi para Sultan/Raja yang baru memeluk agama Islam bagi

"أَصْحَابِي كَالنُّجُومِ فَ بِأَيِّهِمْ إِقْتَدَيْتُمْ اهْتَدَيْتُمْ"

Maksudnya: "Para sahabatku bagaikan bintang-bintang di langit, maka dengan sesiapa sahaja kamu mengikut petunjuk (bimbingan)nya pasti engkau memperoleh petunjuk."

membantu kegiatan dakwah, malah ada di kalangan mereka atau keturunan mereka berkahwin dengan keluarga Raja dan kemudian ditabalkan sebagai pemerintah kerajaan berikutnya. Ini adalah kerana ada di kalangan ulama adalah keturunan Baginda Rasulullah s.a.w. Antara contoh yang dapat dilihat adalah para walisongso mereka adalah jurai keturunan Shaykh Jamaluddin Kubro dari jurai Saidina Hassan r.a. (Siti Jenar. t. th. Manuskrip *Kitab Bayanullah*, tanpa kod; Siti Jenar. t. th. Manuskrip *Kitab jati murni*, tanpa kod.; Sunan Sendan. t. th. Manuskrip *Kitab Caturwiwarawerit*, tanpa kod.; Sunan Prapin. t. th. Manuskrip *Kitab Solat Daim*, Tanpa kod. peribadi Dhiyauddin. Surabaya).

“Zawiyah” adalah perkataan berasal dari bahasa Arab yang diambil daripada kata nama tunggal, iaitu (زاوية) dan kata jamaknya, *zawaya* (زوايا) bermaksud sesuatu yang sempurna berbentuk segi empat, seperti rumah yang mempunyai empat penjuru (Ibn Manzur, t.th. jil 3, hlm 1894). Maksud zawiyah adalah sudut memperlihatkan makna yang tersirat murni, iaitu mengambil sempena secara *majaz* (*metaphor*) sebagai salah satu sudut daripada Haramayn kerana setiap sudut tiang di sana dikenali sebagai zawiyah. Dari zawiyah (sudut) ini, berlaku pemindahan ilmu, amalan dan *tariq* (ilmu jalan) dari Baginda Rasulullah s.a.w. kepada para sahabat rhm., kemudian dipindah kepada tabiin dan seterusnya ke seluruh umat Islam sehingga ke dewasa ini.

Perkataan “zawiyah” bagi merujuk tempat pelbagai kegiatan pengajian dan amalan itu digunapakai di bahagian tengah dunia Islam. Manakala perkataan *Khanaqah* digunapakai di bahagian timur Islam seperti Parsi dan India, perkataan *ribat* (di Afrika Utara) dan perkataan *tekke* (di Turki) bagi merujuk tempat tersebut yang sedemikian. Ini menunjukkan bahawa golongan yang menyebarkan Islam di Nusantara ialah golongan ulama *ahlilLah* sunni yang

---

Penggunaan istilah *ahlilLah/ ahlulLah* bagi menggantikan perkataan ahli sufi ini, diambil daripada hadith sahih riwayat Imam Ibn Majah di dalam *Sunannya* (Kitab al-Muqaddimah, Bab Fadl Man Ta'allam al-Quran wa 'Allamah, No. Hadith: 215) bahawa telah berkata kepada kami Bakr bin Khalaf Abu Bishr: telah berkata kepada kami 'Abd al-Rahman bin Mahdi: telah berkata kepada kami 'Abd al-Rahman bin Budayl daripada bapanya:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ لِلَّهِ أَهْلِينَ مِنَ النَّاسِ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَنْ هُمْ؟ قَالَ: (هُمْ أَهْلُ الْقُرْآنِ، أَهْلُ اللَّهِ وَخَاصَّتُهُ)

Maksudnya: Dari Anas bin Malik r.a. telah berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya bagi Allah itu para Ahli dalam kalangan manusia. Sahabat bertanya: Siapa mereka itu?. Nabi menjawab: Mereka adalah ahli al-Quran, *ahlilLah/ ahlulLah* dan golongan khawasnya.

Al-Imam al-Busiri (2004: 200) menyatakan bahawa hadith ini turut diriwayat oleh al-Imam al-Nasa'i dalam *al-Sunan al-Kubra* (Kitab Fada'il al-Quran, Bab *Ahl al-Quran*, No. Hadith 7977) daripada Abi Qudamah, daripada Ubaydillah bin Sa'id, daripada 'Abd al-Rahman bin Mahdi dan seterusnya. Ia juga turut disebut oleh al-Imam Abu Dawud di dalam *Musnadnya* (Kitab Ahadith

berasal dari bahagian tengah dunia Islam kerana perkataan zawiyah digunapakai di rantau ini (Dewan Redaksi, *Ensiklopedi Islam 4*: 169). Perkataan zawiyah itu telah diubah oleh Ali Hasmy (1978: 56-64) kepada Dayah, setelah Aceh ikut bergabung merdeka dengan Indonesia. C. Snouck Hurgronje (1906. Vol II: 61-63) dan James T. Siegel (1969: 52, 54, 66, 95, 141, 142, 158, 168, 169, 268, 143, 152, 154 & 196-187) tidak pernah menyebut istilah "Dayah" dalam penulisan mereka. Perubahan istilah ini telah memberi kesan kepada

al-Nisa, Bab Wa Ma Asnada Anas bin Malik al-Ansari, No. Hadith: 2238) daripada 'Abd al-Rahman bin Budayl dan seterusnya dengan isnad dan matannya. Di samping Ibn Majah, Arent Jan Wensinck (1936: 132) dalam penelitiannya turut menemukan hadith ini dalam *Sunan al-Darimi* (Kitab Fadail al-Quran, Bab Fadl Man Qara'a al-Quran, No. Hadith 3326) dan *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal* (Musnad Anas bin Malik, No. Hadith: 11870, 11883, 13130). Di samping itu, hadith ini turut dikeluarkan dalam pelbagai lagi kitab hadith yang lain yang tidak dapat diperpanjang di sini atas keterbatasan tujuan penulisan ini.

Mengenai perawinya, al-Imam Ibn Hajar al-'Asqalani (t.th.:175) menyebutkan di dalam *Taqrib al-Tahdhib* bahawa Bakr bin Khalaf al-Basri (w. 240H) adalah orang yang sangat dipercayai (*sudduq*). Beliau juga menyebutkan bahawa 'Abd al-Rahman bin Budayl al-'Uqayli al-Basri adalah diterima riwayatnya (al-'Asqalani t.th.: 571). Bapanya, Budayl bin Maysarah al-Basri (w. 25/35H) pula adalah seorang yang *thiqah* (al-'Asqalani t.th.:164).

Para ulama hadith sepakat menghukumkan bahawa hadith ini adalah sahih. Al-Imam al-Busiri (2004: 200) menyebutkan di dalam *Misbah al-Zujajah* bahawa isnad hadith ini adalah sahih dan rijalnya adalah golongan yang dipercayai (*muthiqun*). Pandangan ini turut disebutkan oleh Abu al-Hassan al-Sindi (t.th.: 140), Bashshar 'Awwad Ma'rif (dlm. Ibn Majah 1998: 206) serta dalam *Sunan Ibn Majah* (t.th.a: 38) cetakan Bayt al-Afkar al-Duwaliyah. Abu al-Hassan al-Sindi (t.th.: 140) dan Fuad 'Abd al-Baqi (dlm. Ibn Majah t.th.b: 28) juga menyebutkan bahawa al-Imam al-Haythami (t.th.) menyatakan di dalam karyanya *Majma' al-Zawa'id* bahawa isnadnya adalah sahih. Ia turut dinyatakan oleh Nasir al-Din al-Bani sebagai sahih (dlm. Ibn Majah t.th. c: 55).

*AhlilLah/ahlulLah* menurut Abi Abdullah al-Harith ibn Asad al-Muhasiby (1983: 9) dalam karyanya *Risalat al-Mustarshidin*, adalah ahli rohani, iaitu orang-orang yang sentiasa menyuci hati, memelihara segala kerahsiaan Ilahiyah, menunaikan janji hak di antara hamba dengan Penciptanya, menjaga kepentingan masa, mengurangkan segala punca yang mengundang bahaya kemurkaan-Nya, dan sentiasa menjaga adab dalam merayu dan memohon bantuan kepada-Nya serta berusaha agar sentiasa berada di maqam keakraban dengan-Nya.

Penisbahan ahli tarekat rohani kepada *ahlilLah/ahlulLah* sebagaimana disebut oleh seorang ulama *Haramayn*, abad ke 17 Masihi, iaitu: Shaykh Ahmad al-Qushashi (1909: 83) dalam karyanya yang berjudul *Al-Simt al-Majid Fi Sha'n Wa al-Zikr Wa Talqinuh Wa Salasil Ahl al-Tawhid*:

Ketahuilah bahawa penyertaan dalam tarekat yang mulia itu yang dinisbahkan kepada ahli-ahli Allah (اهل الله) dengan ucapan secara lisan, persahabatan, didikan, wasiat, baiat, pemakaian, dan memperoleh manfaat dari majlis mereka.

Penggunaan istilah *ahlilLah/ahlulLah* juga disebut oleh murid Shaykh Ahmad al-Qushashi di Alam Melayu, iaitu Shaykh Abdul Rauf Singkel (mufti/Shaykh al-Islam empat era pemerintahan Sultanah Kerajaan Aceh Darussalam abad ke 17 Masihi) dalam karyanya *Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin* (MS1314, C) yang bermaksud ialah *salik* atau orang-orang yang menjalani ke jalan Allah (s.w.t.).

masyarakat bahawa sistem pendidikan Islam Aceh dipengaruhi oleh sistem pendidikan luar selain daripada kemurnian ajaran Islam itu sendiri. Ini adalah kerana menurut Abu Dahlan (2005) Kemasukan Islam di Nusantara, Zawiyah Tanoh Abee, Seulimmun, Aceh Besar, Temubual, 1hb Feb.) perkataan *Dayah* itu berasal dari bahasa Sanskerta yang bermaksud pelajaran dan menurut R. O. Winstedt (1970: 72) pula ia berasal dari bahasa Parsi bermaksud inang, pengasuh dan ibu susu. Istilah ini juga diguna oleh beberapa sarjana dewasa ini, seperti Mahayuddin Yahya (1987) dan Abdul Rahman Abdullah (2000). Oleh itu, adalah penting penggunaan zawiyah kembali pada masyarakat dewasa ini kerana ia memiliki adalah institusi pelbagai fungsi telah membentuk jatidiri masyarakat Nusantara (Alam Melayu).

Zawiyah ini memiliki tujuh peranannya menurut Dr Zulkifli al-Bakri dkk (2016: 3-31), iaitu:

- a. Kebajikan
- b. Pendidikan
- c. Penyelidikan
- d. Penerbitan
- e. Jaringan
- f. Penasihatatan
- g. Muamalah.

Ketujuh-tujuh peranan ini adalah perkhidmatan Shaykh al-Islam (mufti) dalam membantu Sultan pengurusan kerajaan. Ini turut dirakam oleh Ibn Batuttagh (t.th.) dalam karya *rihlahnya* ketika singgah ke Kerajaan Samudera Pasai. Beliau memuji kealiman/kesalehan Sultan al-Malik al-Saleh dalam pengurusan pemerintahan yang sentiasa di dampingi oleh para ulama. Setiap keputusan pemerintahan akan dirujuk kepada musyawarah para ulama terlebih dahulu. Para ulama yang memiliki zawiyah peribadi dalam melaksanakan pelbagai tugas yang membantu pemerintahan Sultan secara tidak langsung.

Eksistensi zawiyah di dalam sistem pemerintahan Institusi Kesultanan Melayu ini diperkukuhkan oleh kemunculan Dawlah Uthmaniyyah yang muncul sebagai kuasa besar d dunia Islam yang bermula pada 1290 hingga 1923 Masihi dengan seramai 37 Khalifah (Sati<sup>c</sup> al-Husari, 1960: 279-281). Antara faktor yang menunjang kejayaan pemerintahannya begitu lama ialah mereka benar-benar merealisasikan *ulama sebagai pewaris Nabi* dan memartabatkannya sesuai dengan kedudukannya. Ulama adalah orang kedua penting setelah Khalifah dalam struktur pemerintahan Dawlah <sup>c</sup>Uthmaniyyah. Mereka yang dilantik sebagai Shaykh al-Islam adalah ketua segala ulama dan fuqaha. Semua

---

Dalam mana-mana tarekat rohani terdapat shaykh/guru/ mursyid yang membimbing atau membawa ajaran rohaninya. Namun itu, terdapat beberapa istilah yang dikenalpasti sering digunakan dalam tarekat rohani, antaranya ialah muqaddim, khalifah dan shaykh. Muqaddam ialah wakil shaykh yang mendapat izin darinya untuk menyampaikan pengajaran rohani,

Khalifah Dawlah ʿUthmaniyyah sentiasa taat dan patuh kepada nasihat dan petunjuk ulama dalam segenap pengurusan dan pentadbiran negara. Segala ketetapan hukum dan arahannya tidak boleh diubah sehingga kuasa Shaykh al-Islam boleh menurunkan atau memecat Khalifah dari takhtanya. Pemilihan untuk menjadi Shaykh al-Islam dalam Dawlah ʿUthmaniyyah diberi keutamaan kepada mereka yang berketurunan Rasulullah s.a.w. (ʿUmar ʿAbd al-ʿAzīz ʿUmar, 1990: 54). Setiap Sultan Dawlah ʿUthmaniyyah memiliki Shaykh al-Islam rohani yang khusus dan zawiyah (*tekke*)nya bagi membimbing dan membina kerohanian dan keperibadiannya, memberi nasihat dan juga terlibat dalam pemerintahan secara tidak langsung. Dari sini jelas menurut Al-Sayyid Rajab Harraz (1970: 49) bahawa pelbagai jenis tarekat rohani dan pertumbuhan zawiyah berkembang secara berleluasa di seluruh dunia Islam dengan pelbagai peranan dan fungsi dalam pengurusan pemerintahan dan pembangunan masyarakat Islam. Sistem ini dimaktub dalam Qanun Dawlah ʿUthmaniyyah bahawa setiap Khalifahnyanya mesti di dampingi seorang Shaykh al-Islam yang bertaraf Shaykh/Mursyid.

Dari keseluruhan paparan perbincangan ini, dapat dirumus bahawa Institusi Kesultanan Melayu yang di dampingi para Shaykh al-Islam (mufti) bersama zawiyahnya adalah salah satu sistem pemerintahan qanun Islam. Sistem

---

memimpin zikir, menyediakan faqir untuk khalwah, memberi makan dan menyiapkan segala tugas yang diberikan oleh shaykhnya. Manakala khalifah pula ialah orang kanan shaykh. Sebilangan khalifah boleh menggantikan shaykh setelah ia meninggal dunia dan sebilangannya tidak, oleh itu, ia perlu mencari shaykh lain untuk menyempurnakan segala amalan dalam suluk atau berkhalwah. Manakala muqaddim pula merupakan satu tingkat selepas khalifah.

Menurut al-Jurjani (1938: 184), “murshid” ialah orang yang menunjuki jalan yang lurus. Manakala shaykh pula, menurut al-Kashani (1984: 126) ialah orang yang syariat, tarekat, hakikat dan makrifahnya sampai kemuncak kesempurnaan. Beliau mengetahui segala penyakit rohani (hawa nafsu) dan mampu merawatnya atas izin Allah s.w.t. Melalui petunjuk (hidayah), beliau berupaya dan berusaha menyembuhkan penyakit rohani sehingga jiwa benar-benar sembuh dan sedia menerima pengajaran darinya. Menurut respodens (Temubual Sidi Sham al Haqq, Muqaddam Tarekat Darqawi. 24hb Jun 2004, jam 8.30- 12.00pm Serdang, Selangor) sekiranya seorang shaykh itu meninggal dunia tanpa ada pengganti yang dilantik oleh beliau atau diberi izin kepadanya maka dilarang bagi mana-mana khalifah atau muqaddam dalam tarekat itu mengambilalih tugas shaykh tersebut, dan menjadi kewajipan khalifah atau muqaddim dalam tarekat itu mencari shaykh lain dari mana-mana tarekat rohani lain untuk memimpin jemaah fuqara itu.

Syarat Shaykh/Mursyid telah dikemukakan oleh Shaykh Ahmad Zarruq dalam Usul Tarekat Shadhaliyyah, iaitu:

- a. Ilmu yang sahih.
- b. *Dhawq* yang jelas.
- c. Keinginan yang tinggi.
- d. Keadaan yang diredhai.
- e. Pandangan yang menembusi.

(Muhammad ʿAbd al-Qadir Nassar. 2008).



pemerintahan kesultanan Melayu, iaitu Qanun memiliki peraturan yang lengkap meliputi sistem hudhud yang perlu dikembalikan segera kepada masyarakat negara Malaysia.

### Kesimpulan

Sistem pemerintahan dan Institusi Kesultanan Melayu dan zawiyahnya digesa dikembalikan segera ke seluruh Alam Melayu terutama sekali negeri Perak kerana ia adalah sistem pemerintahan asal jatidiri bangsa yang tersebut dalam Qanun. Ia perlu dilakukan secara segera beransur-ansur dengan kaedah usul yang diambil daripada firman Allah s. w.t. dalam Surah al-Isra: 81:

﴿ وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبُطْلُ إِنَّ الْبُطْلَ كَانَ زَهُوقًا ﴾

Katakanlah Yang Benar telah datang dan yang batil telah lenyap. Sesungguhnya yang batil yang pasti lenyap.

Proses ini dilakukan secara perlahan-lahan agar dapat memberi impak kesan yang mendalam kepada setiap individu rakyat jelata bahawa sistem pemerintahan Beraja/Sultan adalah salah satu sistem yang diperakui oleh Allah dan Rasul-Nya.

Usaha Muzakarah Tuanku Nazrin ini adalah satu wadah untuk merapatkan rakyat jelata dengan Institusi Kesultanan Melayu, terutama sekali Negeri Perak. Oleh yang demikian, program ini perlu diteruskan dengan tema-tema perbincangan yang merapatkan hubungan kedua-dua pihak ini.

Setelah paparan diskusi ini, maka dapat dirumuskan beberapa cadangan yang boleh merapatkan hubungan Institusi Kesultanan Negeri Perak dengan rakyat jelatanya, antaranya:

- a. Tuanku Sultan sebagai Ketua Negeri Perak bertanggungjawab mengutip zakat, maka setiap projek ekonomi adalah di bawah tanggungjawab pengelolaan/pengurusan Tuanku Sultan, termasuk pentadbiran kewangan negeri.
- b. Pendidikan Islam perlu diserahkan kembali di bawah pengelolaan/pengurusan Tuanku Sultan setiap negeri, kerana Tuanku Sultan adalah ketua agama Islam. Shaykh al-Islam (mufti) sebagai wakil bagi pihak Tuanku Sultan yang bertanggungjawab dalam pengelolaan/pengurusan pendidikan Islam seluruh Negeri Perak. Dengan demikian sistem pendidikan yang bermatlamatkan setiap rakyat jelata mencapai redha Allah s.w.t. harus menghidupkan institusi ilmu bersanad, pengajian ilmu bersanad, amalan bersanad dan tarekat

bersanad berpaksikan kepada Baginda Rasulullah s.a.w. kerana Baginda adalah sumber cahaya ilmu.

- c. Keselamatan rakyat jelata adalah tanggungjawab Tuanku Sultan, maka adalah dicadangkan bahawa kuasa tentera diserahkan kembali di bawah pengloalaan/pengurusan Tuanku Sultan sepertimana berlaku di Institusi Kesultanan Melayu Negeri Johor hari ini.
- d. Kebajikan rumah orangtua, anak yatim piatu, orang miskin, oku, ibu tunggal perlu diambil alih daripada badan-badan NGO yang bukan Islam. Ia adalah tanggungjawab Tuanku Sultan yang menjaga kebajikan rakyat jelatanya. Shaykh al-Islam (mufti) sebagai wakil bagi pihak Tuanku Sultan bertanggungjawab dalam pengelolaan/pengurusan kebajikan rakyat jelatanya seluruh Negeri Perak.

Keseluruhan cadangan tersebut diharap dapat diterima sebagai resolusi Kerajaan/Kesultanan Negeri Perak dan sangat diharap dapat direalisasikan, sekiranya Institusi Zawiyah dan fungsinya dapat diwujudkan segera di bawah pengelolaan/pengurusan Shaykh al-Islam (mufti) sebagai pendamping/penasihat Sultan. Dengan demikian, dapat dijadikan model (contoh) kepada Institusi Kesultanan Negeri lain di seluruh Nusantara ini.

### **Rujukan**

- Abdul Rahman Abdullah. 2000. *Sejarah dan tamadun Asia Tenggara: sebelum dan sesudah pengaruh Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abi 'Abdullah al-Harith ibn Asad al-Muhasiby al-Basry. 1983. *Risalat al-Mustarshidin*, cet. 5. Qaherah: Dar al-Salam.
- Abu Abdillah Muhammad bin Ismail Al-Bukhari. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar Ibn Kathir.
- Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi. 1991. *Sahih Muslim*. Jil. 3. Bil. 1835. Qahirah: Dar Ihya` al-Kutub al-Arabiyyah.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath al-Azdi al-Sijistani. 1998M/1419H. *Kitab al-Sunan: Sunan Abi Dawud*. Jeddah: Dar al-Qiblah li al-Thaqafah al-Islamiyyah.

- Ahmad bin Hanbal. 2008M/1429H. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Vaduz, Liechtenstein: Jam'iyah al-Maknaz al-Islami (Thesaurus Islamicus Foundation).
- Ahmad Zarruq. 2008. *Usul Tarekat al-Shadhaliyyah*. Muhammad Abd al-Qadir Basser. Qaherah: Dar al-Karaz.
- al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar. t.th. *Taqrib al-Tahdhib*. Sunt. Abu al-Ashbal Saghir Ahmad Shaghif al-Bakistani. Riyadh: Dar al-'Isamah.
- al-Busiri, al-Hafiz Shihab al-Din Abu al-'Abbas Ahmad bin Abi Bakr al-Busiri al-Kinani al-Misr. 2004M/1425H. *Misbah al-Zujajah fi Zawaid Ibn Majah*. Sunt. 'Awd bin Ahmad al-Shahri. Madinah: al-Jami'ah al-Islamiyyah bi al-Madinah al-Munawwarah.
- al-Harraz, Al-Sayyid Rajab. 1970. *al-Dawlah al-'Uthmaniyyah wa shibh jazirat al-'Arab*. al-Qaherah: tp pn.
- Ali Hasmjy. 1975. *Meurah Johan (Sultan Aceh pertama)*. Jakarta: Bulan & Bintang.
- Ali Hasmjy. 1978. *Bunga rampai revolusi dari tanah Aceh*. Jakarta: Bulan & Bintang.
- Ali Hasmjy. 1983. *Kebudayaan Aceh dalam sejarah*. Jakarta: Pn Beuna.
- Ali Hasmjy. 1975. *Iskandar Meukuta Alam*. Jakarta: Bulan & Bintang.
- al-Jurjani 'Ali bin Muhammad bin 'Ali. 1938. *al-Ta'rifat*. Qaherah: Ma'aba'at Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Kashani, 'Abd al-Razzaq. 1984. *Istilahat al-Sufiyyh*. Qaherah: Dar al-Ma'arif.
- al-Nasa'i, Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Shu'ayb. 2001M/1421H. *Al-Sunan al-Kubra*. Sunt. Hasan 'Abd al-Mun'im Shalabi. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- al-Qushashi, Safiuddin Ahmad bin Muhammad bin Abdul Nabi. 1909. *Al-Simt al-Majid Fi Sha'n wa al-Zikr wa Talqinih wa Salasil Ahl al-Tawhid*. Hyderabad: Matba'ah Majlis al-Da'irah al-Ma'arif al-Nizamiyyah.
- al-Qusyayri al-Naysaburi, Abu al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj. 1412 H/ 1991. *Sahih Muslim*. Kitab *al-Birr Wa al-Silat Wa al-Adab*, Bab *Istihbab al-'Afwu Wa al-Tawadu'*. Hadis 2588. Jil. 4, Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (Pnyt).

Qaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-<sup>o</sup>Arabiyyah <sup>o</sup>Isa al-Babi al-Halabi Wa Syurakahu.

al-Sindi, Abu al-Hassan al-Hanafi. t.th. *Sunan Ibn Majah bi Sharh al-Imam Abu al-Hassan al-Hanafi al-Ma'ruf bi al-Sindi*. Sunt. Khalil Ma'mun Shiha. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.

B. Schrieke. 1957. *Indonesian Sociological Studies: ruler and realm in early Java*, part II, W. van Hoeve Pub. Amsterdam: Ltd-The Hague.

<sup>o</sup>Umar <sup>o</sup>Abd al-<sup>o</sup>Aziz <sup>o</sup>Umar. 1990. *al-Mashriq al-<sup>o</sup>Arabi al-mu<sup>o</sup>sir*. Tp: Pn. Iskandariyah.

Dewan Redaksi. 1994. *Ensiklopedi Islam*. cet III. Jakarta: Pn PT Ichtiar Baru Van Hoeve.

H. A. R. Gibb et. al. 1960. *The encyclopedia of Islam*, vol. I. Leiden or Luzac & Co: London E. J. Brill.

H.J. De Draaf. 1986. *Kerajaan-Kerajaan Islam di Jawa: kajian sejarah politik abad ke 15 dan ke 16*. cet. II. Jakarta: Pn Grafitipers.

Ibn Battutah Muhammad bin Abdu'Llah. t.th. *al-Rihlah Ibn Batuttah (Tuhfat al-Nuzzar fi Ghara'ib al-Amsar)*. Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.

Ibn Hanbal, Abu <sup>o</sup>Abdullah Ahmad Ibn Muhammad. 1421 H/ 2001. *Musnad al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*. Musnad Abi Sa<sup>o</sup>id al-Khudri r.a. Hadith 11724. Jil. 18. Syu<sup>o</sup>ayb al-Arna'ut, <sup>o</sup>Adil Mursyid & lain-lain (Pnyt). Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.

Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. 1998M/1418H. *Sunan Ibn Majah*. Sunt. Bashshar 'Awwad Ma'ruf. Ji. 1. Bayrut: Dar al-Jil.

Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. t.th. a. *Sunan Ibn Majah*. Riyadh: Bayt al-Afkar al-Duwaliyah.

Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. t.th. c. *Sunan Ibn Majah*. Sunt. Muhammad Nasir al-Din al-Bani. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.

Ibn Manzur, Muhammah bin Mukarram. t.th. *Lisan al-<sup>o</sup>Arab*. al-Qaherah: Dar al-Ma'arif.

Ibrahim Zaki Khurshid dkk. 1418H/ 1998M. *Dā'irat al-ma<sup>o</sup>arif al-Islamiyyah*. jil VI. Markaz al-Shariqah li al-ibda<sup>o</sup> al-Fikry.

- Imran Teuku Abdullah 1988. *Hikayat Meukuta Alam*. Jakarta: Pustaka Nasional.
- Jalaluddin Abdul Rahman Al-Suyuti.1994/1414H. *Jami al-hadis*. Bayrut: Dar Al-Fikr.
- James T. Siegel. 1969. *The rope of god*. University of California: Berkeley & Los Angeles.
- Mahayuddin Hj Yahya.1987. *Ensiklopedia sejarah Islam*. Bangi: UKM.
- Manuskrip Kakawin (Prapanca) *Nagarakretagama* atau *Prapantja: Nagarakretagama* (kode L Or 5.023). Belanda: Perpustakaan Leiden.
- Muhammad °Abd al-Qadir Nassar. 2008. *Sharh Usul Tarikat al-Shadhiliyyah*. Qaherah: Darat al-Karaz.
- N. A. Nabolch. 1980. *The advent of Islam in Indonesia*. Islamabad:National Institute of Historical and Cultural Research.
- R. O. Winstedt. 1970. *Kamus Bahasa Melayu*, cet. 4. KL & Singapore: Pn Marican & Sons (Malaysia) Sdn Bhd.
- Raden Hussein Dajajadiningrat. 1979. *Kesultanan Aceh (suatu pembahasan atas bahan-bahan yang tertera dalam karya Melayu tentang Sejarah Kesultanan Aceh)*, alih bahasa Teuku Hamid: *Critish oversicht Van de in Maleische werken vervatte gegeven over de geschiedenis van het Soeltanaat van Atjeh* (1911). BKL 65: 135-265, Proyek Rehabilitasi dan Perluasan Museum Aceh,. Banda Aceh.
- Sati° al-Husari. 1960. *al-Bilad al-Arabiyyah wa dawlah al-°Uthmaniyyah*. Bayrut: Dar al- al-Ilm li al-Malayin.
- Shaykh Abdul Rauf Singkel. *Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin*. Manuskrip (MS1314, C), Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- Siti Jenar. t. th. *Kitab Bayanullah*, Tanpa kod. Manuskrip peribadi Dhiyauddin: Surabaya.
- Siti Jenar. t. th. *Kitab jati murni*, Tanpa kod. Manuskrip peribadi Dhiyauddin: Surabaya.
- Snouck Hurgronje, C. 1906. *The Achehnese*. Vol. I & II. Translated by A.W.S. O' Sullivan. Leiden: E. J. Brill.

- Sunan Prapin. t. th. *Kitab Solat Daim*, Tanpa kod. Manuskrip peribadi Dhiyauddin: Surabaya.
- Sunan Sendan. t. th. *Kitab Caturwiwarawerit*, Tanpa kod. Manuskrip peribadi Dhiyauddin: Surabaya.
- Syed Muhammad Naguib al-Attas. 1972. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- T. W. Arnold, 1913. *The preaching of Islam: a history of the propagation of the muslim faith*, Lahore: SH Muhammad Ashraf.
- Temubual Abu Dahlan al-Fairusy al-Baghdady. 2005. Kemasukan Islam di Nusantara, Zawiyah Tanoh Abee, Kecamatan Seulimmeun, Aceh Besar, Temubual 1hb Feb.
- Temubual Sidi Sham al Haqq, Muqaddam Tarekat Darqawi. 24hb Jun 2004, jam 8.30-12.00 pm Serdang, Selangor.
- Teuku Iskandar. 2001. *Hikayat Aceh*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Ughlu, Akmal al-Din Ihsan. 1999. *al-Dawlah al-Uthmaniyyah tarikh wa Hadarah*, alih bahasa Salih Sa'adawi. jil. I. Istanbul: Pn Yidiz Yayincilik, Reklamcilik, Ticaret Ve Sanayi.
- Umar Hasyim. 1979. *Sunan giri*. Pn Menara: Kudus (Indonesia).
- W.G. Shellabear. 1967. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wensinck, Arent Jan. 1936. *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Hadith al-Nabawi 'an al-Kutub al-Sittah wa 'an Musnad al-Darimi wa Muwatta Malik wa Musnad Ahmad bin Hanbal*. Leiden: Brill.
- Zulkifli al-Bakri dkk. "Peranan Dan Sumbangan Shaykh al-Islam Dalam Pembinaan Tamadun Kesultanan Melayu" dlm Mohd Syukri Yeoh dkk *Sumbangan dan Peranan Mufti Dalam Kegemilangan Tamadun Alam Melayu*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti NS

## SAMBUNGAN BIODATA

### Pentadbiran/Sumbangan kepada Jabatan/Fakulti/Universiti Sejak dalam Jawatan Sekarang

Bil	Jawatan/Sumbangan	Tarikh/Tempoh
1	Ketua Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM), ATMA	14/09/2014 - 13/09/2017
2	Ahli Jawatan Kuasa Siswazah ATMA	24 Jun 2014 - Sekarang
3	Ahli Jawatan Kuasa Pengurusan ATMA	14/09/2014 - 13/09/2017
4	Pemeriksa (Tesis) MA & PhD ATMA & dalam UKM.	2010-2015
5	Pemeriksa Luar (Tesis) PhD Unisza	14/3/2016
6	Penilai Proposal/ Kemajuan Kolokium Siswazah ATMA	2011-2016
7	Pewasit artikel Jurnal Antarabangsa Tamadun Melayu (IMAN) ATMA	1-20/7/2016
8	Panel Rujukan (Kenaikan Pangkat Pensyarah) Unimap	16/5/2016
9	Tetamu Rancangan Islam Agamaku di Radio IKIM FM 2016	2016
10	Pengerusi Seminar Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu: Sumbangan dan Peranan Mufti dalam Kegemilangan Tamadun Alam Melayu	2015
11	Pengerusi Wacana Bersiri 2016 Manuskrip AhliLah Alam Melayu	2016
12	Pengerusi Bengkel Bulanan Kajian Manuskrip Alam Melayu ATMA	2016
13	Penyertaan Program Penterjemahan Karya Klasik	07/12/2013 – 08/12/2013
14	Penilai Manuskrip UKM dan DBP	04/07/2014 - 15/07/2014

### Perundingan/Pengembangan Sejak dalam Jawatan Sekarang

	Tajuk /Perkara	Perunding/Pelanggan	Tempoh/Tarikh
1	Perbincangan Meja Bulat: Transformasi Sistem Pendidikan Pondok di Malaysia.	1.Majlis Professor Negara 2.UPSI	22 Mei 2014 8.00 Pagi- 4.00 Petang
2	Persidangan Anggota <i>Jilsah Al-Turuq Al-Sufyyah</i> Bil.1.1436h	Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan	13/02/2015 -15/02/2015
3	Konvensyen Kedaulatan Islam Dalam Institusi Kesultanan Alam Melayu	Majlis Dakwah Negara- YADIM	29 September 2016

## BIODATA



- Nama : Mohd Syukri Yeoh Bin Abdullah  
Tarikh lahir dan tempat lahir : 3hb Sept. 1962, Butterworth, Penang  
**Dibesarkan di Ipoh, Perak.**
- Memeluk Agama Islam : 1977 (**ketika berusia 15 tahun, di Ipoh Perak**)  
Jantina : Lelaki  
Kewarganegaraan : Malaysia  
Status Perkahwinan : Berkahwin  
Alamat Surat Menyurat : Ketua Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM), Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
- Telefon (Pejabat dan Rumah) : (P) 03-8921 4608  
(R) 03-8734 5563  
(H/P) 60 17-528 2284 / 0122142822
- Pekerjaan Jawatan Sekarang : Ketua Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu(PPMAM), Felo Penyelidikan Kanan, Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sejarah Pendidikan Formal dan Kelulusan : i. Ijazah Sarjana Agama IAIN Jami'ah Ar-Raniry, Darussalam, Banda Aceh, Indonesia (13-3-1995)  
ii. Ijazah Sarjana Sastera Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (12-6-1997)  
iii. Diploma Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (27-6-1998)  
iv. Ijazah Doktor Falsafah (22-9-2008)  
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bidang : Sejarah Pemikiran dan Dakwah Alam Melayu  
Sejarah Kerjaya : 1. Receptionst (1981-1982)  
Tai Ieih Hotel,  
78, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.  
2. Receptionst (1982-1983) (6 bulan),  
Diwan Al-Amir, Al-Alywich, Norwich, England.  
3. Supervisor (1983-1985)  
Greatwall Supermarket, 43000 Kajang, Selangor  
4. Tutor (1995-1997)  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
5. Felo Penyelidik Kanan (1997 hingga sekarang),  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
6. Ketua Pusat (2014-2017) Dan Felo Penyelidik Utama,  
Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM),  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),  
Universiti Kebangsaan Malaysia.